

# Institusi *Qadā'* Dalam Sejarah Islam

Mohamed Azam Mohamed Adil

## Abstract

*Justice is an essence of Islamic teachings and no doubt a universal value. To uphold justice, Islam enjoins that those to be appointed as ḥākim or qādī (judge) must meet certain criterias and certain characteristic. This article examines those criterias further.*

## 1. Pendahuluan

Sesebuah masyarakat dan negara tidak akan menikmati kehidupan yang aman dan teratur kalau sesuatu keputusan itu tidak diputuskan dengan adil. Keadilan merupakan suatu suruhan Syarak dan ini telah ditegaskan dalam Surah al-Nahl:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia menganjur kamu (dengan suruhan dan larangannya ini) supaya kamu mengambil peringatan untuk mematuhiinya.”<sup>1</sup>*

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di atas manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil.”<sup>2</sup>*

Firman Allah S.W.T. lagi yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibubapa kamu dan kaum kerabat kamu kalau orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka) janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”<sup>3</sup>*

## 2. Definisi *Qadā'*

Sebenarnya perkataan *Qādī* dan *Hākim* selalu diguna pakai dan mempunyai maksud yang serupa. Tetapi pada kebiasaan, penggunaan perkataan *Hākim* boleh membawa maksud yang lebih luas, kerana di samping mengamalkan undang-undang, seseorang *Hākim* juga mempunyai bidang tugas meliputi pentadbir dan pemerintah.<sup>4</sup> Ini dapat dilihat dalam pemerintahan kerajaan Madinah di mana Rasulullah S.A.W. bertindak sebagai seorang pentadbir di samping menjalankan peranan *Qādī* atau pengamal undang-undang yang terlibat dengan urusan pengadilan di mahkamah.

Dari sudut amalan di Malaysia, kedua-dua perkataan *Hākim* dan *Qādī* digunakan dengan meluasnya. Penggunaan istilah *Hākim* telah dikenali ramai di kalangan pengamal undang-undang di Mahkamah Sivil. Kerana itu, sebelum susunan semula dibuat di Mahkamah Syariah, penggunaan istilah yang popular ialah *Qādī*. Namun, diawal tahun 90-an, penggunaan istilah *Hākim* telah diguna pakai di Mahkamah Syariah di seluruh negeri bagi membezakan fungsi *Hākim* di Mahkamah Syariah dan *Qādī* di pejabat-pejabat agama.<sup>5</sup>

*Qādī* (pl. *Qudat*) merupakan mereka yang menjatuhkan hukuman atau membuat keputusan dalam sesuatu kes yang dibicarakan di hadapannya. Justeru itu, seorang *Qādī* juga dikenali sebagai *Hākim*.<sup>6</sup> Dari segi bahasa, *Qadā'* membawa maksud memerintah, memutuskan dan melaksanakan sesuatu,<sup>7</sup> seperti mana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “....kemudian janganlah keputusan kamu itu

### *Institusi Qaḍā' Dalam Sejarah Islam*

*dirahsiakan...<sup>8</sup> "...Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia..."<sup>9</sup> Menurut Syarak, seseorang Ḥākim merupakan orang yang dilantik oleh Sultan atau kerajaan bagi menentukan atau menetapkan sesuatu keputusan mengikut undang-undang Syariah.<sup>10</sup>*

## **3. Institusi Kehakiman**

Institusi kehakiman merupakan suatu institusi yang terpenting dalam sistem pengadilan Islam. Ia berfungsi melaksanakan undang-undang dan peraturan demi perpaduan masyarakat dan juga memelihara hak manusia serta memberikan hak kepada mereka yang berhak. Ia menyekat orang-orang yang zalim dari terus melakukan kezaliman.<sup>11</sup>

Keadilan ditegakkan oleh *Ḥākim* dan *Qādī*. Oleh kerana itu, mereka memikul tanggung jawab yang berat kerana tugas menegakkan keadilan ini melibatkan hak Allah dan hak manusia. Justeru itu, mewujudkan institusi kehakiman dan melantik para *Ḥākim* dan *Qādī* adalah mengikut sunnah Rasulullah S.A.W. yang mesti diikuti. Ia merupakan tuntutan Syarak yang mesti diikuti dan wajib dilaksanakan.<sup>12</sup>

### **3.1 Sejarah Kehakiman Sebelum Islam**

Sejarah kehakiman sebenarnya bermula sebelum kedatangan Islam. Semasa zaman Jahiliyyah, *Dār al-Nadwah* telah dianggap sebagai institusi kehakiman.<sup>13</sup> Diceritakan seorang lelaki bernama al-‘Āṣ bin Wā'il telah membeli barang dari seorang lelaki Yaman secara berhutang. Apabila lelaki itu meminta hutangnya, Al-‘Āṣ bukan sahaja telah melambat-lambatkannya, bahkan menafikan bahawa dia ada berhutang dengan lelaki Yaman itu. Lelaki tersebut telah mendaki sebuah bukit dan melaungkan suaranya meminta pertolongan daripada pihak berkuasa agar kesnya dibicarakan.<sup>14</sup> Dalam satu kes yang lain, Qays bin Shaybah al-Salmī telah menjual barang kepada Ubay bin Khalaf. Ubay telah melengah-lengahkan bayaran sehingga hilang haknya. Qays pun mengadu kepada beberapa pembesar Quraish. Pembesar Quraish pun mengadakan satu perjumpaan untuk menyelesaikan masalah yang timbul.<sup>15</sup>

Walau bagaimanapun, mengikut sesetengah cendikiawan yang lain, institusi kehakiman di zaman tersebut bukanlah merupakan sebuah institusi yang tersusun. Bahkan menurut Coulson,<sup>16</sup> apa yang digunakan oleh orang-orang Arab Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam banyak berorientasikan adat lama Arab. Sistem yang dikenali di kalangan mereka ialah orang tengah (*kāhin* atau *arbitrator*). Apabila

berlaku perbalahan atau perebutan harta dari dua kaum atau kabilah, kedua-dua puak yang bertelagah akan melantik seorang Syeikh yang lazimnya disegani oleh mereka untuk menjadi orang perantara bagi menyelesaikan perbalahan yang timbul. Segala keputusan yang diputuskan oleh orang tengah ini akan dipatuhi oleh mereka yang bertelagah.<sup>17</sup>

### 3.2 Sejarah Kehakiman Di Zaman Rasulullah S.A.W.

Sejarah awal umat Islam telah membuktikan bahawa Rasulullah S.A.W. bukan sahaja sebagai Rasul tetapi juga dikenali sebagai pemimpin yang disegani, seorang mufti, malah merupakan seorang hakim tertinggi yang melaksanakan hukum-hukum Islam.<sup>18</sup> Baginda menjadi rujukan dan tempat mengadu masalah apabila timbul perbalahan antara dua pihak. Dalam sistem kehakiman Islam, Rasulullah merupakan orang pertama menjadi hakim.<sup>19</sup> Sebagai ketua hakim negara Islam, Rasulullah S.A.W. telah meletak beberapa asas kehakiman yang menjadi rujukan kepada hakim-hakim yang kemudian, di antaranya diceritakan dalam *Hadīth-hadīth*:

- i) Saidina ‘Alī sebelum diutuskan oleh Rasulullah S.A.W. ke Yaman sebagai hakim menceritakan cara-cara Rasulullah S.A.W. mengendalikan kes – Apabila dua orang yang berbalah berada di sisi kamu, janganlah kamu menghukum keduanya melainkan setelah kamu mendengar pihak yang pertama. Cara itu adalah lebih baik bagi kamu memutuskan hukum dan tidak akan berlaku kesilapan pada hakim atau tidak menimbulkan keraguan dalam hukuman selepas itu.
- ii) Diriwayatkan oleh Sayyidatina Ummu Salamah bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda: “*Sesiapa yang diperintahkan menjalankan kehakiman di antara manusia hendaklah berlaku adil samada dari segi pengucapannya, pemerhatiannya, penggunaan isyaratnya, tempat duduknya, majlisnya dan tidak meninggi suara terhadap salah seorang yang berbalah tanpa dilakukan terhadap pihak yang satu lagi.*”<sup>20</sup>
- iii) Abū Bakar meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: “*janganlah kamu menghukum di antara kedua-dua belah pihak yang berbalah dalam keadaan kamu sedang marah.*”<sup>21</sup>

### 3.3 Sejarah Kehakiman Islam Di Zaman Khulāfā' al-Rāshidīn

Di zaman pemerintahan Khulāfā' al-Rāshidīn memperlihatkan amalan penafsiran dan *instinbāt* hukum dengan menggunakan al-Quran dan al-Sunnah secara meluas. Di samping itu para sahabat berani membuat penafsiran hukum baru walaupun merujuk kepada nas-nas yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadith.<sup>22</sup>

Di antara orang yang terawal dilantik menjadi Hakim semasa pemerintahan Khalifah Abū Bakar ialah ‘Umar Al-Khaṭṭāb walaupun pada masa ini gelaran *Qādī* belum lagi dikenali.<sup>23</sup> Gelaran *Qādī* hanya dikenali semasa pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb sejurus selepas beliau dilantik menjadi khalifah kedua. Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb memperkenalkan jawatan ini berikutan peluasan empayar Islam, dengan penduduk yang berbagai bangsa dan ditambah pula timbulnya banyak masalah dan persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat.<sup>24</sup> ‘Umar al-Khaṭṭāb telah melantik Abū al-Darda’ ‘Uwaymir bin ‘Amīr, *Qādī* di Madinah; Shurayh bin al-Ḥārith al-Kindī, *Qādī* di Kūfah; Abū Mūsā al-Ash’arī, *Qādī* di Başrah dan ‘Uthmān bin Qays bin Abī al-‘Āṣ, *Qādī* di Mesir.<sup>25</sup>

Corak dan keadaan kehakiman yang diamalkan semasa Khalifah Abū Bakar mempunyai banyak persamaan dengan zaman Rasulullah S.A.W. Ini berkemungkinan disebabkan faktor kesibukan beliau dalam menangani urusan politik dan pentadbiran negara di samping terpaksa memerangi golongan murtad yang enggan membayar zakat selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.. Manakala dari segi method kehakiman pula, beliau banyak mengikut prinsip yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. dengan melihat kepada al-Quran. Sekira didapati nas dalam al-Quran mengenai perkara yang ditimbulkan, maka beliau akan menghukum mengikut nas al-Quran tersebut. Tetapi sekiranya tiada, dirujuk pula al-Sunnah dan jika didapati wujud dalam al-Sunnah, beliau menghukum mengikut nas al-Sunnah tersebut. Sekiranya tidak didapati permasalahan tersebut dalam al-Sunnah, maka beliau akan memanggil para sahabat dan berbincang dengan mereka. Hasil perbincangan tersebut akan menjadi keputusan dalam penghakimannya. Tetapi seandainya tidak ada persepakatan di kalangan para sahabat dalam sesuatu perkara, maka beliau melakukan ijtihad sendiri.<sup>26</sup>

Semasa pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb pula, keadaan kehakiman telah berubah wajah, justeru kerana banyak kawasan baru dibuka dan ramai orang memeluk agama Islam. Perubahan yang berlaku ini menimbulkan banyak permasalahan di kalangan rakyat dan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan masalah kehakiman. Walaupun Khalifah ‘Umar pernah menjalankan tugas sebagai Hakim semasa pemerintahan Khalifah Abū Bakar, namun kerana faktor-faktor di atas, beliau telah memisahkan kuasa *Qādī* yang sebelum ini dipegang oleh khalifah

dan gabenor dengan perlantikan *Qādī*.<sup>27</sup> Terdapat juga beberapa gabenor yang dilantik oleh beliau masih memegang kuasa *Qādī*. Di antaranya ialah al-Mughīrah bin Shu'bah yang dilantik sebagai gabenor di Başrah dan kemudiannya di Kūfah. Begitu juga Mu'awiyah bin Abī Sufyān dilantik menjadi gabnor di Syria di samping memegang jawatan *Qādī*.<sup>28</sup> 'Umar juga merupakan khalifah pertama yang membayar gaji kepada para *Qādī*. Namun ia bergantung kepada kedudukan kewangan dalam *Bayt al-Mal*.<sup>29</sup>

Manakala kedudukan kehakiman di zaman Khalifah 'Uthmān bin 'Affān tidak banyak berubah dengan zaman 'Umar memandangkan tempoh pemerintahan beliau yang agak pendek. Namun, beliau berkesempatan membuat beberapa perubahan dari aspek tempat perbicaraan. Semasa zaman beliau, para *Hākim* tidak lagi mendengar kes-kes di masjid-masjid tetapi di satu tempat khas yang dikenali *Dār al-Qadā*.<sup>30</sup> Sistem guaman juga diperkenalkan oleh beliau di mana dalam satu kes yang melibatkan 'Alī bin Abī Tālib *lwn* Tālhāh, 'Abd Allah bin Ja'far telah dilantik menjadi peguambela bagi pihak 'Alī.<sup>31</sup> Manakala metod kehakiman di zaman 'Alī adalah menyerupai zaman para Khulāfa' sebelumnya.

Zaman pemerintahan Khalifah 'Alī bin Abī Tālib tidak menyaksikan perubahan yang ketara dalam aspek kehakiman. Beliau mengikuti prinsip dan kaedah yang ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W. Seperti Khulāfa' sebelumnya, beliau memegang jawatan Ketua Hakim. Beliau sering mengutus surat kepada *Qādī-Qādī* yang dilantik bagi memastikan mereka menjalankan perbicaraan mengikut prinsip dan kaedah yang telah digariskan oleh Rasulullah S.A.W.<sup>32</sup>

Secara keseluruhannya, penghakiman yang dibuat oleh para *Qādī* yang dilantik hanyalah yang bersangkutan dalam aspek sivil, manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan *Qisāṣ* dan *Hudūd*, penghakimannya dibuat oleh khalifah atau gabenor yang dilantik di wilayah berkenaan.<sup>33</sup>

### 3.4 Sejarah Kehakiman Islam Di Zaman Umayyah

Sistem kehakiman di zaman pemerintahan Bani Umayyah sangat berbeza dengan zaman pemerintahan Khulāfa' al-Rashidin. Para *Qādī* di zaman Umayyah banyak merujuk secara langsung sumber-sumber asasi iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Seandainya tidak didapati dalam dua sumber ini, mereka terus berijtihad menggunakan *al-Ra'y* dan *Qiyās* di samping *al-Qawā'id al-Shar'iyyah al-'Āmmah*. Para *Qādī* semasa zaman ini bebas melakukan ijtihad dengan mengeluarkan keputusan mengikut pandangan dan ilmu yang dimiliki oleh mereka tanpa terikat dengan pandangan *Qādī* yang lain. Ini berkemungkinan bahawa di zaman tersebut

belum lagi wujud institusi mazhab dan justeru itu, para *Qādī* tidak terikat dengan mana-mana pandangan dan mazhab. Walaupun mereka diberi kebebasan untuk berijtihad, namun keputusan penghakiman mereka tertakluk kepada khalifah.<sup>34</sup> Justeru itu, dalam banyak kes, terdapat para *Qādī* yang merujuk kepada pandangan khalifah terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan dalam perbicaraan.<sup>35</sup>

### 3.5 Sejarah Kehakiman Islam Di Zaman ‘Abbāsiyyah

Sistem kehakiman di zaman ‘Abbāsiyyah menyaksikan perubahan yang ketara berbanding dengan zaman-zaman sebelumnya disebabkan amalan ijtihad dan kelahiran pelbagai mazhab fiqh. Tetapi amalan ijtihad oleh para *Qādī* di zaman ini tidak lari dari pandangan para *mujtahidin* dari kalangan mazhab tersebut.<sup>36</sup> Justeru itu, tidak hairanlah apabila seseorang *Qādī* menjatuhkan hukuman, faktor kecenderungan kepada satu-satu mazhab tidak dapat dielakkan. Sebagai contohnya, para *qādī* di Iraq mengambil pandangan mazhab Ḥanafī, *qādī* di Mesir merujuk kepada pandangan mazhab al-Imām al-Shāfi’ī dan *qādī* di Maghribi memutuskan hukuman berpandukan pandangan al-Imām Mālik.<sup>37</sup>

Kalau di zaman Umayyah, terdapat para *Qādī* merujuk kepada khalifah terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman, amalan ini tidak wujud di zaman ‘Abbāsiyyah. Di zaman ini, para *Qādī* diberi kebebasan dalam menjatuhkan hukuman. Khalifah kerajaan ‘Abbāsiyyah telah menyerahkan kuasa kehakiman kepada Institusi *Qadā* dan diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan dan mentadbirkannya. Justeru itu, para khalifah tidak lagi bertanggungjawab secara langsung terhadap urusan dan pentadbiran kehakiman serta pengendalian kes-kes. Institusi *Qadā* diketuai oleh *Qādī al-Qudāh* yang bertindak atas nama khalifah. Jawatan ini mula diperkenalkan di zaman ini dan orang yang pertama menerajui jawatan tersebut ialah Abu Yūsūf Ya’qūb bin Ibrāhīm, seorang murid Imam Abū Hanīfah yang dilantik oleh Khalifah Hārun al-Rashīd.<sup>38</sup> Institusi *Qadā'* terus berkembang maju di zaman ini dan banyak keputusan baru dibuat oleh para *Qādī* di zaman ini, di antaranya yang melibatkan persoalan wakaf, wasiat, pandangan dalam *Mazālim* dan persoalan-persoalan *Hisbah*.<sup>39</sup>

### 4. Bidang Kuasa Mahkamah *Qādī*

Menyentuh mengenai bidang kuasa Mahkamah *Qādī*, secara umumnya, Mahkamah *Qādī* boleh mendengar dan memutuskan semua kes yang dibawa ke muka pengadilan. Ini meliputi kes-kes yang berkaitan dengan *hudūd*, *qīṣāṣ*, *diyat*, *ta’zīr*, meliputi semua bidang *jarimah* dan kesalahan-kesalahan yang dikategorikan di

bawah keluarga, mu'amalah, jenayah dan sebagainya. Ia termasuk perkara-perkara yang berhubung kait dengan hak Allah, hak manusia atau mana-mana campuran antara hak Allah dan manusia.<sup>40</sup>

Dalam menentukan bidang kuasa Mahkamah *Qādī*, al-Māwardī telah menyenaraikan sepuluh perkara:<sup>41</sup>

- 4.1 Menyelesaikan perselisihan dan memutuskan perbalahan di antara dua pihak yang bertelagah.
- 4.2 Mencegah kezaliman dan mengembalikan hak kepada mereka yang berhak selepas didengar kes berkenaan.
- 4.3 Mentadbir harta anak-anak yatim, orang gila dan *safīh*, jika mereka tidak mempunyai waris dan mereka ini adalah di bawah pemerintahan *Qādī* berkenaan iaitu mereka tinggal di dalam daerah atau kawasan bidang kuasa kehakimannya. Sebaliknya, sekiranya mereka tinggal di luar kawasan pentadbirannya, maka pentadbiran harta anak-anak yatim, gila dan *safīh* itu terletak di bawah bidang kuasa *Qādī* di tempat mereka tinggal.
- 4.4 Mengawasi harta wakaf dengan memelihara keselamatannya di samping memperkembangkan pertumbuhannya. Jika tidak ada pihak yang dipertanggungjawabkan dalam hal ini, seseorang *Qādī* mempunyai kuasa ke atas pentadbiran harta tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh orang yang mewakifikannya.
- 4.5 Melaksanakan wasiat kepada orang yang diwasiatkan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh orang yang mewasiatkannya selagi diharuskan oleh Syarak.
- 4.6 Mengurus dan menikahkan perkahwinan seseorang gadis yang tidak mempunyai wali sekiranya gadis tersebut ingin berkahwin. Walau bagaimanpun Imam Abū Ḥanīfah tidak menganggap penikahan gadis di bawah bidang kuasa seseorang *Qādī* memandangkan seseorang gadis boleh menikahkan perkahwinannya sendiri.
- 4.7 Melaksanakan hukuman ke atas mereka yang telah melanggar kesalahan di bawah kategori *ḥudūd*. Jika kesalahan tersebut melibatkan hak Allah, seseorang *Qādī* boleh menjatuhkan hukuman tersebut dengan usahanya sendiri tanpa perlu menunggu pihak lain iaitu pihak pendakwa untuk mendakwa kesalahan tersebut di mahkamah selagi mana wujudnya bukti-bukti terhadap kesalahan tersebut seperti pengakuan oleh orang yang dituduh atau pembuktian oleh pihak lain. Tetapi sekiranya kesalahan itu

## *Institusi Qadā' Dalam Sejarah Islam*

di bawah kategori sivil, maka seseorang *Qādī* tidak mempunyai sebarang hak dan kuasa untuk menjatuhkan sebarang hukuman ke atasnya kecuali pihak yang lain membawa kes itu ke mahkamah.

- 4.8 Memantau perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam di bawah zon bidang kuasanya seperti menghapus rompakan di jalan raya dan tanah lapang serta menghapuskan anjung-anjung bangunan yang mengganggu jalan dan lorong. Seseorang *Qādī* boleh bertindak sendiri dalam mengatasi masalah-masalah ini walaupun ia tidak menerima aduan dari orang ramai.
- 4.9 Mengawasi dan menentukan saksi atau orang yang diberi kepercayaan dalam proses penghakiman dengan melihat kelayakan dan sama ada mereka ini memenuhi syarat yang dikehendaki. *Qādī* mempunyai kuasa untuk memecat dan mengganti saksi-saksi berkenaan sekiranya didapati berlaku kecacatan atau pecah amanah. Jika didapati saksi tersebut orang yang lemah, *Qādī* boleh sama ada memilih saksi yang lebih kuat dan berkemampuan atau menyatukan kesemua saksi-saksi yang ada.
- 4.10 Apabila menjatuhkan hukuman, seseorang *Qādī* hendaklah memastikan bahawa hukuman yang saksama diputuskan tanpa memilih sama ada pihak yang terlibat itu di pihak yang lemah atau kuat.

## **5. Syarat-syarat Menjadi *Qādī***

Institusi *Qadā'* merupakan suatu komponen institusi yang wajib diwujudkan oleh khalifah. Memandangkan ianya sangat penting demi menegak keadilan kepada pihak yang terlibat, jawatan *Qādī* mestilah diisi oleh orang yang layak. Lantaran itu, semasa pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khattāb dan ‘Alī, pemilihan dibuat dengan begitu teliti.<sup>42</sup>

Justeru melihat bahawa jawatan *Qādī* sangat penting dalam pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara, Islam meletakkan beberapa syarat yang ketat ke atas mereka yang layak untuk dilantik menjawat jawatan tersebut.<sup>43</sup>

### **5.1 Mestilah Beragama Islam**

Beragama Islam merupakan pra syarat utama kelayakan seseorang untuk menjadi *Qādī*. Ini berdasarkan bahawa para *Qādī* diamanahkan oleh Allah S.W.T. untuk menegakkan hukum-hukum Allah.<sup>44</sup> Seandainya seseorang *Qādī* bukan dari kalangan orang Islam nescaya hukum-hukum Islam tidak dapat ditegakkan.

Walaupun begitu, golongan mazhab Hanafi mengharuskan pelantikan *Qādi* kepada orang bukan Islam yang melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Golongan ini berhujah menggunakan *Qiyas* bagi menyokong pendapat mereka. Sebagai contohnya, kesaksian orang bukan Islam boleh diterima ke atas orang bukan Islam.<sup>45</sup> Begitu juga, terdapat cendikiawan Islam di akhir-akhir ini mempunyai pandangan yang sama dengan golongan Hanafi.<sup>46</sup> Sebagai contohnya, Muhammad Salām Madkūr mempertikaikan syarat ini berdasarkan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* yang tidak memperuntukkan syarat Islam sebagai syarat menjadi *Qādi*.<sup>47</sup> Walaupun begitu, Mahmud Saedon kurang bersetuju dengan pandangan Muhammad Sālam Madkūr yang mengemukakan pandangan Mazhab Hanbalī, Shurayh, al-Zāhiriyyah, Ibn Mas’ūd, al-Awzā’ī, al-Nakha’ī dan al-Imāmiyyah yang menyokong hujahnya tidak disyaratkan Islam ke atas pelantikan *Qādi*. Di antara hujah yang dikemukakan oleh Mahmud Saedon ialah pandangan ini telah ditolak oleh jumhur fuqaha’, antara mereka ialah ‘Abd al-Urwah yang berpendapat bahawa:

- 5.1.1 “Pandangan Imām Aḥmad yang mengharuskan kesaksian bukan Islam terhadap Muslim dalam pewarisan tidak terdapat dalam kitab-kitab muktabar Mazhab Hanbalī kecuali dalam kitab *Turuq al-Hukmiyyah*, itupun hanyalah merupakan riwayat kedua beliau.
- 5.1.2 “Golongan yang mengharuskan penerimaan *shahādah* orang bukan Islam terhadap orang Islam hanyalah dalam keadaan *darūrah*. Oleh yang demikian, tidaklah boleh dijadikan dalil bagi mengharuskan perlantikan orang bukan Islam sebagai *Qādi*. Kalaupun hendak dijadikan dalil, maka hanyalah boleh dikatakan harus melantik *Qādi* bukan Islam dalam keadaan *darūrah*, bukan dalam semua keadaan dan masa.
- 5.1.3 Untuk mengatakan bahawa *Wilāyat al-Qadā’* adalah berdasarkan *Wilāyat Shahādah* masih boleh dipertikaikan kerana *Wilāyat al-Qadā’* adalah umum dan *Wilāyat Shahādah* adalah khusus.”<sup>48</sup>

## 5.2 Mencapai Umur Baligh

Ijmak ulama mensyaratkan seseorang *Qādi* yang dilantik mestilah sudah mencapai umur baligh. Justeru itu, seorang kanak-kanak yang belum baligh dianggap di bawah umur atau umur minoriti yang tidak berkemampuan untuk dipertanggungjawabkan dengan jawatan berat seperti *Qādi*. Tambahan pula seseorang *Qādi* memerlukan ketajaman akal dan berkemampuan untuk berijtihad di mana seseorang yang belum baligh tidak berkemampuan berbuat demikian.

### 5.3 Berakal

Ulama juga telah berijmak bahawa syarat berakal sangat mustahak dalam pelantikan seseorang *Qaḍī*. Syarat ini penting kerana dengan berakal membolehkan seseorang itu membuat perbezaan antara yang benar dan salah, memiliki kebijaksaan yang baik, jauh dari sifat pelupa serta mampu menjelaskan kekeliruan serta mampu memecah sesuatu kerumitan.

Mahmud Saedon menambah bahawa syarat berakal ini ialah untuk menentukan bahawa seseorang itu tidak gila. Berakal juga membawa maksud sudah memiliki sifat *tamyīz*, cerdik dan tidak bodoh atau pelupa serta dapat menyelesaikan masalah termasuk masalah yang rumit.

Bagaimana pula, melantik seorang yang tidak tahu membaca dan menulis (*ummī*) sedangkan dia mempunyai pengetahuan hukum Syarak yang mendalam. Dalam hal ini terdapat dua pandangan. Pertama, mengharuskan pelantikan orang seperti ini berdasarkan apa yang berlaku ke atas Nabi Muḥammad S.A.W yang merupakan seorang *ummī*. Kedua, tidak harus melantik orang yang sedemikian memandangkan tidak cukup syarat.<sup>49</sup>

### 5.4 Merdeka

Seseorang yang dilantik ke jawatan *Qaḍī* hendaklah merdeka dan bukan seorang hamba kerana sifat hamba itu tidak bebas. Disyaratkan merdeka ialah merdeka yang mutlak. Oleh itu, seseorang hamba yang dijanjikan untuk dimerdekakan atau dibenar menebus dirinya tidak boleh dilantik menjawat jawatan *Qaḍī*.

### 5.5 Lelaki

Jumhur fuqaha' mensyaratkan lelaki dalam pelantikan sebagai *Qaḍī*. Pandangan ini merupakan pandangan *al-Shāfi'yyah*, *al-Hanābilah* dan *al-Mālikiyah* yang tidak mengharuskan pelantikan hakim wanita untuk membicara sebarang perbicaraan. Walaupun begitu, golongan *al-Hanafiyah* mengharuskan pelantikan wanita sebagai Hakim dalam semua perkara kecuali dalam aspek *Hudūd* dan *Qisās*, manakala pandangan Ibn Jarīr al-Tabarī dan al-Hasan al-Baṣrī mengharuskan pelantikan wanita sebagai Hakim dalam semua perkara termasuk *Qisās* dan *Ta'zīr*.

Golongan yang tidak bersetuju pelantikan wanita sebagai Hakim merujuk kepada ayat al-Quran yang bermaksud: "Kaum lelaki merupakan pemimpin bagi kaum wanita oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas

sebahagian yang lain (perempuan).<sup>50</sup> Mereka juga merujuk kepada satu Ḥadīth yang bermaksud: “Sesekali tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik pemimpin mereka dari kalangan wanita.”<sup>51</sup>

Di antara hujah lain yang dikemukakan oleh mereka ialah:

- 5.5.1 “Tugas *Qādī* memerlukan seseorang itu terdedah kepada orang awam dan berdepan dengan pelbagai lapisan masyarakat. Kebanyakan mereka yang berurusan di mahkamah terdiri dari kaum lelaki sama ada sebagai pendakwa, orang yang didakwa, saksi atau orang ramai yang mengikut perbicaraan.”<sup>52</sup>
- 5.5.2 Mempunyai ingatan yang kuat dan rasional. Sifat ini memang diketahui umum dimiliki oleh lelaki. Lagipun kaum wanita terkenal dengan kekurangan akal (*naqīṣat al-‘aql*) dan pandangan yang cetek (*qalīlat al-ra‘y*).<sup>53</sup> Tambahan pula kaum wanita mempunyai sifat pelupa (*al-dalāl*). Ini dapat dilihat dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:
- “Jika salah seorang terlupa (dari saksi wanita yang berdua itu) maka bolehlah diingatkan oleh yang seorang lagi.”<sup>54</sup>
- Manakala terdapat satu Ḥadīth yang menyifatkan wanita kurang pada akal. Oleh itu, kesaksian dua orang wanita menyamai seorang lelaki.<sup>55</sup>
- 5.5.3 “Kaum wanita tidak mempunyai *ahliyyah al-Wilayāh* (kuasa kepimpinan secara umum) sedangkan jawatan *Qādī* memerlukan *ahliyyah al-Wilayāh*. Justeru itu, mengikut al-Shawkānī, wanita tidak harus dilantik sebagai hakim demi menghindari kegagalan yang dijangkakan akan berlaku.<sup>56</sup> Bukti kuat yang menyokong pandangan al-Shawkānī ialah Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibn Hajar. Menurut Ibn Hajar, Abū Bakrah sendiri merupakan salah seorang penyokong setia ‘Ā’ishah. Beliau telah mengundurkan diri dari medan pertempuran al-Jamāl meskipun beliau sebelum itu telah bersiap sedia untuk berperang bersama ‘Ā’ishah. Tetapi senario peperangan yang meletakkan ‘Ā’ishah sebagai ketua perang mengingatkannya kembali kepada Ḥadīth Rasulullah S.A.W. yang disebut sebelum ini. Berasaskan Ḥadīth tersebut, Abū Bakrah menjangkakan kegagalan pada pihak ‘Ā’ishah yang berada di bawah pimpinan seorang wanita. Jangkaan beliau menjadi kenyataan sesudah berakhirnya peperangan.”<sup>57</sup>

Terdapat dua golongan yang tidak mensyaratkan lelaki dalam pelantikan jawatan *Qādī*; **Pertama:** Golongan yang berpendapat harus melantik wanita sebagai *Qādī* secara mutlak. Pendapat ini disokong oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī dan al-Ḥasan

al-Baṣrī. Hujah mereka ialah kalau wanita boleh dilantik menjadi *Muftī*, maka melantik mereka ke jawatan *Qādī* adalah lebih patut.<sup>58</sup> Tambahan pula, mengikut pendapat Ibn Jarīr tugas *Qādī* ialah untuk melaksanakan keadilan dan keadilan ini boleh dilaksanakan sama ada *Qādī* itu seorang lelaki atau wanita. Kerana itu, beliau menolak Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Bakrah bahawa sesuatu kaum itu tidak akan berjaya kalau pemimpinya dilantik dari kalangan wanita kerana pada pendapat beliau, Ḥadīth tersebut hanyalah melarang wanita menjawat jawatan khalifah.<sup>59</sup>

**Kedua:** Golongan yang mengharuskan pelantikan *Qādī* di kalangan wanita dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan *Hudūd* dan *Qisās*. Pendapat ini disokong oleh Mazhab Ḥanafī dan Ibn Hazm.

Bagi Imam Abū Ḥanīfah, keharusan melantik *Qādī* di kalangan wanita berpandukan pendekatan yang diambil dari *Qiyās* iaitu kalau wanita harus menjadi saksi dalam beberapa kes, maka mereka juga harus menjadi *Qādī*.<sup>60</sup> Justeru itu, Imam Abū Ḥanīfah mengharuskan wanita menjadi *Qādī* dalam kes-kes yang mereka boleh menjadi saksi iaitu dalam kes sivil. Manakala dalam kes-kes yang mereka tidak boleh menjadi saksi, pelantikan *Qādī* mestilah dibuat dari kalangan lelaki.<sup>61</sup>

Ibn Hazm pula dalam menyokong pandangan Imam Abū Ḥanīfah dengan alasan bahawa jawatan *Qādī* berbeza dengan *Hakim*. Ini kerana *Qādī* hanyalah melaksanakan dan memutuskan apa yang terkandung dalam hukum Syarak sepertimana Mufti dan saksi. Tambahan pula wanita yang dilantik menjadi *Qādī* berdasarkan kemampuan peribadinya dan tidak ada kaitan dengan jantina keperempuanannya. Apa yang penting ialah wanita yang dilantik itu mampu memahami hujah dan keterangan serta berjaya menyelesaikan sesuatu pertikaian.<sup>62</sup>

## 5.6      Bersifat Adil

Majoriti fuqaha' juga mensyaratkan seseorang *Qādī* yang dilantik juga mesti mempunyai sifat adil. Yang dimaksudkan dengan adil ialah sentiasa berkata benar, tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil, sentiasa menjaga maruah, menjauhkan diri dari perkara-perkara subahat, sentiasa tenang sama ada dalam keadaan seronok maupun marah, boleh diharap dan dipercayai. Adil juga membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Ini bererti apabila seorang *Qādī* hendak menjatuhkan hukuman, ia hendaklah dilaksanakan dengan adil dan tegas berdasarkan hukuman Islam.<sup>63</sup> Al-Mawdūdī pula mendefinisikan adil sebagai benar dalam percakapan, jelas kejururannya, bersih

dari segala keburukan, mengelak dari perkara haram, menjauhi dari perkara yang diragui, jauh dari dipengaruhi oleh perasaan kasih dan marah serta memelihara maruah agama dan kehidupan dunia.<sup>64</sup> Meskipun begitu, Mazhab Hanafi tidak meletakkan syarat adil untuk seseorang itu menjawat jawatan *Qadi* tetapi ia merupakan syarat kesempurnaan pelantikan.<sup>65</sup>

### 5.7 Sempurna Pancaindera

Seseorang *Qadi* mestilah seorang yang boleh melihat, mendengar dan bercakap. Orang yang pekak tidak dapat mendengar percakapan dan sidang perbicaraan. Begitu juga dengan mata yang celik supaya dapat melihat bahan-bahan bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan. Manakala boleh bercakap membolehkan seseorang *Qadi* senang bertanya dan mengendalikan perbicaraan. Walau bagaimanapun, bagi Imam Malik, harus dilantik orang yang buta menjadi *Qadi* kerana *Qiyas* harus menerima kesaksian orang yang buta.<sup>66</sup>

### 5.8 Mempunyai Pengetahuan Yang Luas Dalam Hukum Syarak

Untuk dilantik sebagai *Qadi* seseorang itu juga mestilah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai hukum hakam Syarak yang meliputi pengetahuan mengenai dasar-dasar hukum serta *furu'*. Justeru itu, al-Mawardī menyenaraikan maksud pengetahuan luas, di antaranya ialah:

- 5.8.1 Pengetahuan mengenai al-Quran di mana ia boleh mengetahui hukum darinya, sama ada *nasakh* dan *mansūkh*, yang *muhkam* dan *mutashābihāt*, yang umum dan khusus dan yang *mujmal* dan yang *mufassar*.
- 5.8.2 Pengetahuan mengenai al-Sunnah yang sabit dari perkataan, perbuatan dan *taqrir* Rasulullah S.A.W. Begitu juga riwayatnya sama ada secara *mutawatir* atau *āḥād*. Begitu juga tentang *sahīh*, *hasan* atau *da'if*.
- 5.8.3 Pengetahuan tentang *ta'wil* yang dilakukan oleh ulama salaf mengenai apa yang disepakati dan dipertikaikan oleh mereka.
- 5.8.4 Pengetahuan *Qiyas* yang membolehkan dia merujuk perkara yang *furu'* yang tidak disentuh kepada perkara yang asal/dasar untuk mendapat hukum terhadap perkara yang baru (*furu'*).<sup>67</sup>

## 6. Adab *Qadī*

Adab merupakan salah satu tingkah laku yang baik lagi terpuji. Seseorang yang berada dipandang mulia oleh masyarakat dan manusia yang tidak berada dipandang hina oleh masyarakat. Oleh kerana jawatan *Qadī* dipandang mulia oleh masyarakat, maka gerak geri mereka selalu diperhati. Justeru itu, Islam menggariskan beberapa adab yang perlu diikuti oleh semua *Qadī*.

Dalam memperkatakan adab *Qadī*, ulama telah membahagikannya kepada adab am dan khas sama ada di dalam mahkamah atau di luar mahkamah atau semasa mendengar dan mengendalikan kes.<sup>68</sup> Adab am *Qadī* meliputi:

- i. Melaksanakan keadilan seperti yang dikehendaki oleh Islam dan hendaklah menjadi simbol institusi keadilan Islam. Oleh kerana keputusan sepenuhnya berada di tangan *Qadī*, ia harus bersungguh-sungguh mencari kebenaran supaya hukuman yang dijatuhkan adalah seadil-adilnya.
- ii. Jika sesuatu kes itu melibatkan kepentingan dirinya, seseorang *Qadī* itu hendaklah menarik diri dari mendengar dan mengadili kes tersebut kerana ditakuti dia tidak dapat menegak keadilan.
- iii. Jika dakwaan dikemukakan kepadanya mempunyai kaitan dengan kaum kerabatnya seperti ibu bapa, isteri, anak-anak atau sanak saudara, dinasihatkan supaya dia tidak mendengar kes berkenaan.
- iv. Jika pihak-pihak yang terlibat merupakan musuhnya atau orang yang dia tidak dapat menerima kesaksianya seperti pencuri yang mencuri barang-barangnya, adalah dinasihatkan juga dia menarik diri dari mengendalikan kes tersebut.
- v. Untuk menjamin kesempurnaan perbicaraan dan keadilan dapat ditegakkan, seseorang *Qadī* dikehendaki tidak melakukan pengadilan dalam keadaan sedang marah, lapar, dahaga, ketika tidak menentu perasaannya, sedang sakit, terlalu gembira, terlalu sedih dan ketika cuaca terlalu sejuk atau terlalu panas. Dia juga dilarang berpuasa sunat pada hari pengadilan. Secara keseluruhannya, seseorang *Qadī* tidak boleh mengadili sesuatu dalam suasana yang boleh merosakkan pertimbangannya.<sup>69</sup>
- vi. Penghakiman hendaklah dibuat di dalam mahkamah terbuka kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan *in camera* supaya perbicaraan itu dapat diketahui umum yang mana secara tidak langsung dapat

mengawal perjalanan perbicaraan dan perilaku *Qādī* dalam mengendalikan kes berkenaan. Kerana itu, di awal Islam, perbicaraan dibuat di masjid-masjid kerana tempatnya yang terbuka dan memudahkan untuk orang ramai berkumpul. Kemudian didirikan bangunan mahkamah yang lazimnya ditempatkan di tengah-tengah bandar bagi menempatkan para *Qādī* supaya perbicaraan dapat dikendalikan dengan baik.<sup>70</sup>

- vii. Mengemukakan keputusan pengadilan secara bertulis. Dalam hal ini seseorang *Qādī* diminta untuk mengemukakan catatan bertulis yang mengandungi peristiwa kes, hukuman yang dijatuhkan dan sebab kesalahan pesalah. Catatan ini kemudiannya dibaca ketika menjatuhkan hukuman. Satu naskhah catatan itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang mendakwa dan satu lagi disimpan oleh *Qādī*.<sup>71</sup>
- viii. Pihak yang didakwa hendaklah diberi masa secukupnya bagi mempertahankan diri. Kerana itu seseorang *Qādī* dilarang memarahi atau menunjukkan sikap yang keras atau meninggikan suara atau menyakiti mereka semasa perbicaraan sedang berjalan.<sup>72</sup>
- ix. *Qādī* hendaklah memberi masa yang secukupnya kepada kedua-dua belah pihak sama ada pihak pendakwa atau yang kena dakwa bagi mengemukakan hujah tuduhan atau mempertahankan diri. Tempoh lama masa ini terserah kepada budi bicara beliau.

Adapun adab-adab am di luar mahkamah, seseorang *Qādī*:

- i. Hendaklah menolak jemputan khas atau hadir dalam perjumpaan di mana beliau merupakan jemputan khas bagi mengelak syak-wasangka.
- ii. Hendaklah memberi layanan yang sama kepada semua pihak yang terlibat sama ada di dalam mahkamah atau di luar mahkamah termasuk perkara-perkara seperti percakapan, isyarat, nada suara dan lain-lain.
- iii. Hendaklah tidak menerima wang atau hadiah dari orang yang terlibat dalam penghakiman kerana berkemungkinan boleh tidak melakukan keadilan kerana dianggap menerima rasuah.
- iv. Hendaklah tidak terlibat dalam perniagaan kerana dibimbangi dengan bermiaga akan memihak kepada orang-orang yang terlibat.
- v. Hendaklah menumpukan perhatian semasa perbicaraan dan tidak dibolehkan bergurau atau berjenaka dengan mana-mana pihak bagi mengelak perbuatan yang dianggap berat sebelah.

- vi. Hendaklah tidak bergaul bebas dengan orang ramai atau berjalan dengan mereka kecuali perlu.
- vii. Hendaklah supaya tidak memberi fatwa kerana dikhawatiri akan digunakan oleh pihak terlibat untuk menyokong hujahnya dalam perbicaraan.
- viii. Hendaklah meletak jawatan apabila dirasakan tidak mampu atau tidak layak untuk menjadi *Qādī*.

## 7. Kesimpulan

Dari perbincangan ini, kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa institusi *Qada'* (kehakiman) diwujudkan demi untuk mencari keadilan apabila timbul pertelingkahan antara dua pihak sama ada ia melibat hak Allah atau hak sesama manusia. Walaupun syarat-syarat yang diperlukan untuk melantik seseorang sebagai *Qādī* nampaknya ketat, ia adalah untuk memastikan orang yang memikul amanah besar ini berkelayakan dan berkemampuan mengendalikan perbicaraan. Secara amalinya pula seseorang *Qādī* dikawal selia melalui beberapa etika atau adab sama ada di dalam mahkamah atau di luar mahkamah demi menjaga nama baik institusi *Qada'*.

## Nota Hujung

1. Al-Nahl: 90.
2. Al-Nisā': 58.
3. Al-Nisā': 135.
4. Lihat Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman, "Etika Hakim Dari Perspektif Islam", *Seminar Etika Hakim Dan Peguam*, IKIM, 9 Januari 1996, hlm. 1-2.
5. Tan Sri Dato' Prof. Syed Aqil Barakbah, "Hakim Dan Penghakiman, Ahmad Ibrahim et al., *Al-Ahkam- Penghakiman dan Kepeguanan*, Jld. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 82.
6. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, Juzuk 6, Cet. 3, Dar al-Fikr, 1409H/1989M, hlm. 480; lihat juga Perkara 1784 & 1785, *The Mejelle*, (Terjemahan oleh C.R. Tyser), The Book House, Lahore, 1987, hlm. 317.
7. Abū Ishaq Ibrāhīm b. ‘Alī al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh Madhab Li al-Imām al-Shāfi’ī*, Juz.2, Dar al-Fikr, 1414H/1994, hlm. 406.
8. Yunus: 71.
9. Al-Isrā': 23.
10. *The Mejelle*, *Ibid*, hlm 317; Untuk definisi lanjut mengenai *Qadā'*, lihat Dr. Fāruq al-Nubhān, *Nizām al-Hukm fī al-Islām*, Muassasah al-Riśalah, hlm. 559.
11. Lihat Mahmud Saedon A. Othman, *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan Bidang kuasa*, Dewan Bahasa & Pustaka, 1990, hlm. 3.
12. *Ibid*.
13. Ahmad Haji Bakar & Muhammad Nasran Mohamad, "Pengantar Sistem Kehakiman Islam" *Isu Syariah dan Undang-undang*, 1996, hlm. 75.
14. Muhammad Salām Madkūr, *al-Qada' fī al-Islām*, Dar al-Nadwah al-‘Arabiyyah, Mesir, 1384H/1969M, hlm. 78.
15. *Ibid*.
16. N.J Coulson, *A History of Islamic Law*, Edinburgh, 1964, hlm. 10-11.

*Institusi Qadā' Dalam Sejarah Islam*

17. Lihat Mohamed Azam Mohamed Adil, “Pengaruh Adat Arab Dalam Perundangan Islam”, *Jurnal Syariah*, Jil.2, Bil 2, Julai 1994, hlm. 2; lihat juga Mohamed Azam Mohamed Adil, “al-Quran dan Kod Undang-undang”, *KANUN*, Mac 1998, hlm.1; lihat juga Ahmad Hidayat Buang, ‘The Influence of Customary Practices in and Around Arabia in The Early Centuries of Islam to The Understanding of Historical development of Islamic Law”, *Monograf Syariah I*, 1993, hlm 52; lihat juga Mahmūd Hilmī, *Nizām al-Hukm al-Islāmī*, Cet.3, Dār al-Fikr al-‘Arabi, hlm. 329.
18. Fāruq al-Nubhān, *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, op.cit, hlm. 561; lihat juga Mahmud Saedon, op.cit, hlm. 3-4.
19. Al-Nisa':65.
20. Muḥammad Fāruq al-Nubhān, *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, op.cit, hlm. 561-563; lihat juga Dr. Ahmad Haji Bakar & Muhammad Nasran Mohamad, “Pengantar Sistem Kehakiman Islam”, op.cit, hlm. 79.
21. *Ibid.*
22. Ini dapat dilihat dalam satu keputusan yang dibuat oleh Saidina ‘Umar al-Khattāb dalam kes yang melibatkan undang-undang pewarisan Islam, yang lebih dikenali dengan ‘Umariyyatān; lihat N.J. Coulson, *Succession in the Muslim Family*, Cambridge University Press, 1971, hlm. 45-46 & 54.
23. Muḥammad Fāruq al-Nubhān, *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, op.cit, hlm. 563-567.
24. *Ibid.*
25. *Ibid.*
26. Dr. Ahmad Haji Bakar & Muhammad Nasran Mohamad, “Pengantar Sistem Kehakiman Islam”, op.cit, hlm. 86-87.
27. *Ibid.*
28. *Ibid.*
29. Muḥammad ‘Abd al-Rahmān al-Bakr, *al-Sultah al-Qadā'iyyah wa Shakhṣiyah al-Qāḍī fi al-Nizām al-Islāmī*, al-Zahrā’ li I’lam al-‘Arab, 1408H/1988M, hlm.161-162.
30. Muḥammad Fāruq al-Nubhān, *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, op.cit, hlm. 561-563; lihat juga Dr. Ahmad Haji Bakar & Muḥammad Nasran Mohamad, “Pengantar Sistem Kehakiman Islam”, op.cit, hlm. 79.

31. *Ibid.*
32. *Ibid.*
33. Ahmad Shalabi, *al-Tashri'i wa al-Qada'i fi al-Fikr al-Islami*, Cet. 4, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, Kaherah, 1989, hlm. 239.
34. Muhammad Fāruq al-Nubhān, *op.cit*, hlm. 567-568; lihat juga N.J. Coulson, *A History of Islamic Law*, *op.cit*, hlm. 121.
35. Muhammad Fāruq al-Nubhān, *op.cit*, hlm. 567-568.
36. *Ibid.*
37. *Ibid.*
38. *Ibid.*
39. *Ibid.*
40. Ahmad Haji Bakar & Muhammad Nasran Mohamad, "Pengantar Sistem Kehakiman Islam", *op.cit*, hlm. 117; lihat juga Mahmud Saedon, *Kadi – Perlantikan, Pelantikan dan Bidang kuasa*, *op.cit*, hlm. 88-89.
41. Al-Mawardi, *Aḥkām al-Sultāniyyah – The Laws of Islamic Governance*, (Terjemahan Dr. Asadullah Yate), Ta-Ha Publishers Ltd., London, 1996, hlm. 106-115.
42. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Tanzīm al-Qada'i fi al-Fiqh al-Islāmi wa al-Tatbiqūh fi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah*, Dār al-Fikr, 1402H/1982M, hlm. 54.
43. Sebagai contohnya al-Mawardi meletakkan 7 syarat bagi perlantikan *Qādi*; lihat al-Mawardi, *Aḥkām al-Sultāniyyah*, *op.cit*, 98-102.
44. Muhammad 'Abd al-Rahmān al-Bakr, *al-Sultah al-Qada'iyyah wa Shakhsiyyah al-Qādi fi al-Nizām al-Islāmi*, hlm. 318-328; lihat juga Muhammad Mustafa al-Zuhaylī, *al-Tanzim al-Qada'i fi al-Fiqh al-Islāmi wa al-Tatbiqūh fi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah*, *op.cit*, hlm. 54- 56; Jābir Maḥmūd al-Fadīlat, *al-Qada'i fi al-Islām wa Ādāb al-Qādi*, Dār 'Imār, 1412H/1991M, hlm. 45-60; al-Māwardi, *Aḥkām al-Sultāniyyah*, *op.cit*, hlm. 98-102; Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmi*, *op.cit*, hlm. 481-484.
45. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *ibid*, hlm. 54-56.
46. Jābir Maḥmūd al-Fadīlat, *al-Qada'i fi al-Islām wa Ādāb al-Qādi*, *ibid*, hlm. 45-60; Mahmud Saedon, *Pelantikan Kadi, Perlantikan dan Bidang kuasa*, *op.cit*, hlm. 26-30.

*Institusi Qaḍā' Dalam Sejarah Islam*

47. Lihat Muḥammad Salām Madkūr, *al-Qaḍā' fī al-Islām*, op.cit, hlm. 38-40.
48. Mahmud Saedon, op.cit, hlm. 29.
49. Untuk perbincangan lebih lanjut, lihat Mahmud Saedon, *Perlantikan Kadi, Perlucutan dan Bidang kuasa*, op.cit, hlm. 31-32.
50. Al-Nisā':34.
51. Diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Tirmidhī, Nasa'ī dan Aḥmad daripada Abū Bakrah; lihat Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, op.cit, hlm. 57.
52. Andek Masnah Andek Kelana, "Wanita dan Kehakiman di Mahkmah Syariah", *IKIM Law Journal*, Vol.1. No.1, July-December 1997, hlm. 61-63.
53. Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, op.cit, hlm. 57.
54. Al-Baqarah: 282.
55. Kata Datin Dr. Andek Masnah Andek Kelawa: " Kurang akal bukanlah bererti daya fikir, daya ingat dan kecerdikan kaum wanita lemah berbanding dengan kaum lelaki. Tetapi kurang akal di sini berkait rapat dengan sifat pelupa . Kedua-dua sifat tersebut adalah disebabkan oleh kesibukan wanita dengan tanggung jawab utamanya sebagai pengurus rumah tangga dan pembangunan insan kamil. Kurang pada akal dan sifat pelupa tidak ada kaitan dengan kemuliaan, keahlilan dan kemanusiaan wanita sebagai insan yang dinamik; lihat Andek Masnah Andek Kelawa, op.cit, hlm. 62.
56. *Ibid*, hlm 60-61.
57. *Ibid*.
58. Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, op.cit, hlm. 57-58.
59. *Ibid*.
60. *Ibid*; lihat juga Mahmud Saedon Awang Othman, op.cit, hlm. 34.
61. *Ibid*; Penulis suka mencadangkan kepada pembaca untuk merujuk kepada makalah yang ditulis oleh Andek Masnah Andek Kelawa untuk perbincangan lebih lanjut dan mendalam dalam isu pelantikan wanita sebagai Hakim.
62. *Ibid*.
63. Mahmud Saedon Awang Othman, op.cit, hlm. 37.
64. Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, op.cit, hlm. 98-102.

65. Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit*, hlm. 37.
66. Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *op.cit*, hlm. 98-102.
67. Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *ibid*, hlm. 98-102; lihat juga Mahmud Saedon, *op.cit*, hlm. 38-39.
68. Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *ibid*, hlm. 98-102; lihat juga Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit*, hlm. 44-68; lihat juga Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, *op.cit*, Juz.6, hlm. 498-509.
69. Muhammad ‘Abd al-Rahmān al-Bakr, *al-Sultah al-Qadā’iyah wa Shakhṣiyah al-Qadi fī al-Nizām al-Islāmī*, *op.cit*, hlm. 246; lihat juga Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, *op.cit*, Juz.6, hlm. 504.
70. *Ibid.*
71. Catatan penghakiman mahkamah diperkenalkan oleh Ḥākim Salim bin ‘Aṭr semasa pemerintahan Khalifah Mu’āwiyyah b. Abī Sufyān; lihat Muhammad ‘Abd al-Rahmān al-Bakr, *op.cit*, hlm. 263-271.
72. *Ibid.*